

## BAB KEDUA

### PERKEMBANGAN ISLAM DAN PENUBUHAN INSTITUSI TRADISIONAL

#### "PONDOK" DI WILAYAH PATTANI.

#### PENDAHULUAN.

Apabila diperkatakan tentang Pendidikan Islam atau Pengajian Agama dan Arab pada suatu masa dahulu, segera tergambar di dalam pemikiran kita betapa hebat dan "Unggulnya" pendidikan cara tradisional yang dikendalikan oleh "Pondok". Mengikut sejarah pendidikan orang Melayu, ia sangat berpengaruh dalam pembentukan "Intelek" Melayu. (Prof. Asmah Haji Omar, 1992:34). Namun begitu, sejarah penubuhan Pondok mempunyai pertalian yang rapat dengan perkembangan Islam, malah Pondok boleh disifatkan sebagai lambang kegemilangan pengetahuan agama pada satu era pendidikan dahulu. Sejajar dengan itu, Surin Pitsuwan (1982:178), menegaskan bahawa kecemerlangan yang dicapai oleh beberapa institusi tradisional "Pondok" di Pattani pada satu masa dahulu, melambangkan pencapaian yang mengagumkan di dalam merealisasikan pemikiran dan aspirasi mereka terhadap Islam.

Kegiatan dan peranan yang dimainkan oleh tokoh-tokoh ulama Pattani di dalam penyebaran ilmu-ilmu keagamaan di rantau ini khasnya di pertengahan Abad ke-18, dan di permulaan Abad ke-19, diiktiraf oleh para sejarawan antarabangsa. Suatu bukti yang kuat ditunjukkan : Penerbitan

buku-buku agama, sama ada hasil daripada karya-karya mereka sendiri atau terjemahan daripada buku-buku bahasa Arab, seperti Syeikh Daud bin Abdullah bin Idris al-Fatani, yang banyak menghasilkan buku-buku yang berkaitan dengan 'Usul al-Din dan Fiqh. (Ibid:49). Kecemerlangan dan kegemilangan Pattani pada masa itu, Teeuw dan Wyatt menyifatkan Pattani sebagai "Cradle of Islam in Southest Asia" atau Pusat Ilmu Islam di Asia Tenggara. (Teeuw & Wyatt, 1970:4). Hal tersebut ditegaskan lagi oleh Mohd. Zamberi A. malek, (1993:13), selain daripada Pattani yang menjadi tumpuan bagi penduduk Melayu Utara Semenanjung, ia juga berperanan sebagai Pusat kegiatan Islam tertua serta Pusat pertumbuhan tamadun kesusasteraan Melayu yang berunsur Islam.

Oleh yang demikian, sebelum keterangan lanjut mengenai kajian ini dibentangkan, penulis di sini menerangkan serba sedikit mengenai sejarah awal Wilayah Pattani, kedatangan Islam di Pattani dan perihal yang berkaitan dengannya. Sepintas lalu dapat diingat kembali sejarah bagi sebuah negeri Melayu yang masyhur itu.

## 2.1 "PATTANI ATAU PATANI".

2.1.1 DEFINISI. PATTANI yang dimaksudkan di dalam kajian ini ialah; Sebuah Wilayah di antara 76 Wilayah Negara Thai, dituliskan dengan huruf "T" mengikut ejaan Thai. (Lembaga DiRaja Bahasa Thai, 1989:110).

PATANI tanpa mengulangi huruf "T" pada ejaannya, ia dirujukan kepada kawasan Wilayah Pattani, Yala, Narathiwat, Satun dan sebahagian daripada Wilayah Songkhla, yang berstatus sebagai sebuah negeri yang berkerajaan Melayu pada suatu masa dahulu. (Ahmad Idris, 1990:2, dan Hasan Madmarn, 1990:1). Oleh itu, PATTANI dan PATANI, kedua-duanya mempunyai maksud yang berbeza dan digunakan dalam konteks yang berlainan.

#### 2.1.2 LOKASI WILAYAH PATTANI

Wilayah Pattani terletak di Pantai Timur Teluk Siam (Gulf of Siam) bahagian Selatan Thai, di antara garisan lintang 6° 5' dan garisan bujur 7°. Jauhnya dari ibu kota Bangkok 1,100 Km.. Jumlah penduduk : 532,877 orang, di mana 76% daripada penduduknya beragama Islam dan menggunakan bahasa Melayu (dialek Pattani) sebagai bahasa percakapan harian. (Data Base, Prince of Songkla University, Pattani, 1993:45).

#### 2.1.3 SEJARAH AWAL WILAYAH PATTANI

Beberapa sejarawan telah mempertikaikan tentang penubuhan negeri Melayu Patani. Bagaimanapun, sejarah awalnya yang masih kabur itu telah dihubungkan dengan negeri Melayu tua yang terkenal dengan "LANGKASUKA" berdasarkan kepada sumber-sumber sejarah dari pelbagai

bangsa, seperti Cina, India, Parsi, Barat dan Melayu. (Mohd. Zamberi A. Malek, 1993:18, dan Saynee Madmarn, 1988:39). Walau Bagaimanapun, hal mengenai Langkasuka tercatat dalam beberapa fakta sejarah oleh para sejarawan antarabangsa sehingga Abad ke-15. Selepas itu nama Langkasuka tidak disebut lagi, dan itulah petanda lenyapnya nama Langkasuka dari peta dunia. (A. Bangnara, 1980:5). Satu pendapat yang dipersetujui oleh kebanyakan ahli sejarah menyatakan bahawa berdasarkan kepada hubungan di antara Patani dan Siam (nama asal Thai) yang wujud pada waktu itu. (Hasan Madmarn, 1990:10). Kemunculan Patani sebagai pelabuhan entrepot ialah pada zaman pemerintahan Sultan Mudaffar Shah, dan semasa Raja Ungu dan Raja Hijau. Seterusnya kedudukan Patani sebagai sebuah pelabuhan perdagangan semakin meningkat kepesatannya pada masa-masa yang berikutnya. (Hikayat Patani, 1992:15). Pedagang-Pedagang Portugis, merupakan pedagang bangsa asing yang mempunyai jumlah terbesar yang menjalankan kegiatan perniagaan di Patani pada masa itu. Seorang pengembara Portugis "Fernaõ Mendrs Pinto", mencatatkan dalam tahun 1538: terdapat 300 pedagang Portugis di Patani. (Ahmad Idris, 1990:10). Dengan itu, Teeuw dan Wyatt, menyatakan kemakmuran Patani menarik perhatian kuasa-kuasa di sekitarnya terutamanya Siam, sehingga melakukan serangan terhadapnya pada tahun 1603, tetapi Siam terpaksa berpatah balik. (Teeuw & Wyatt, 1970:14).

Serangan Siam terhadap Patani yang berlaku pada tahun 1603 itu, merupakan kali yang pertama; Kemudian diikuti dengan beberapa kali serangan terhadapnya, tetapi ia gagal menaklukinya. Pada tahun 1786, pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad, bersamaan dengan zaman pemerintahan "Phra Phutta Yodfa Chulalok", Pengasas bagi dinasti "Chakkri", Siam sekali lagi mengulangi serangannya dengan angkatan tentera yang besar dan serba lengkap. Pada kali ini, Patani gagal untuk menahan serangan itu, dan akhirnya, Patani mengalami kekalahan dan jatuh ke bawah penalukan Siam. Di samping itu, mereka juga menawan sebahagian daripada rakyat Patani ke ibu kota Bangkok, dan mereka melantik "Tengku lamidin" sebagai Raja. (Ahmad Idris, 1990:12). Semenjak dari itu, Patani berusaha sedaya upaya untuk mencapai kemerdekaan daripada Siam. Beberapa kali berlaku pemberontakan, tetapi ia tidak berjaya. Akibat daripada pemberontakan yang sering berlaku, sama ada yang dikepalai oleh Raja-Raja atau ulama, hasilnya Patani (sebagai sebuah negeri yang besar) berpecah-belah dan dijadikan beberapa negeri yang kecil, di tiap-tiap negeri masing-masing mempunyai Raja atau Pentadbir yang dilantik oleh pihak Siam. Akhirnya Patani menjadi sebuah Wilayah di bawah pentadbiran kerajaan Thai seperti mana keadaannya pada masa sekarang. (Haemindra, 1976:204).

#### 2.1.4 KEDATANGAN ISLAM KE WILAYAH PATTANI.

Tidak terdapat fakta sejarah yang jelas mengenai kedatangan islam ke Patani mahupun ke Semenanjung Tanah Melayu sendiri. Walau bagaimanapun, Islam telahpun wujud di tanah Melayu pada awal Abad ke-14. Ia mula berkembang dengan pesatnya pada Abad ke-15, apabila Sultan-Sultan Melaka dan lain-lain negeri Melayu menganut agama Islam. (Badriyah Hj. Salleh, 1984:12). Oleh itu persoalan yang ketara tentang kedatangan Islam ke Patani tidak terpisah dari negeri-negeri yang lain di sekitar Semenanjung dan Kepulauan Melayu. Setakat ini, suatu dokumen yang dianggap paling awal menunjukkan permulaan Islam di Semenanjung Tanah Melayu ditemui pada inskripsi batu bersurat di Terangganu. Penegasan Sayed Naguib al-Attas, berhubung dengan tarikhnya ialah pada hari Jumaat 4 Rejab 702 H. bersamaan 22 Februari 1303 M. Serentak dengan pertemuan itu, kajian yang dilakukan ke atas batu nisan Raja Patani yang pertama beragama Islam pula membuktikan jenis dan bentuknya adalah sama dengan batu nisan Raja Pasai yang pertama beragama Islam, iaitu Sultan Malek al-Salleh. Hal ini dapat dihubungkan dengan pendapat beberapa orang sejarawan Barat bahawa Patani pernah menjadi Pusat Islam tertua di Asia Tenggara. (Mohd. Zamberi A. Malek, 1993:22).

Cebisan dokumen tersebut, selain merupakan rekod kontemporari yang paling awal tentang pengenalan agama Islam

di Semenanjung Tanah Melayu, ia juga merupakan teks Melayu yang tertua yang tertulis dalam tulisan Arab. (Amran kasi-min, 1993:153). mengenai kedatangan Islam ke Patani disebut juga dalam sejarah Kelantan, akan tetapi tarikhnya terlalu awal dibandingkan dengan andaian yang telah disebutkan lebih dahulu, iaitu pada tahun 1150 M. . Catatan ini dibuat berkenaan dengan seorang pendakwah Islam dari Patani yang datang menyebarkan agama Islam di Kelantan. (Haji Dusuki Ahmad, 1974:521). Penyebaran agama Islam di Patani adalah melalui pedagang-pedagang bangsa Arab, Parsi dan India. Namun demikian, pada tahap permulaan Islam tersebar dikalangan rakyat jelata, kemudiannya diserapkan ke Istana Raja. Dalam "Hikayat patani" (1992:20), dikisahkan juga tentang Raja Patani yang pertama memeluk agama Islam ialah Raja Phaya Tu Naqpa. Setelah memeluk agama Islam baginda digelar "Sultan Ismail Shah Zillullah Fi al-'Alam". Peristiwa pengislaman Baginda, ada sebut dalam beberapa buah buku sejarah yang berkaitan dengan Patani.

## 2.2 PENUBUHAN INSTITUSI PONDOK DI WILAYAH PATTANI.

2.2.1 DEFINISI PONDOK Pondok adalah satu institusi tradisional pendidikan Islam yang dikendalikan bersendirian dan berasrama. Perkataan "Pondok" berasal dari perkataan Arab yang bererti rumah-rumah kecil tempat tinggal pelajar-pelajar, memuatkan tiga atau empat orang bagi tiap-tiap

sebuah rumah. (Nik Mohamed bin NikMohd. Salleh, dlm. warisan Kelantan IV, 1985:95-96). Zamakhsyari Dhofier, (1982:18), berpendapat bahawa istilah "Pondok" mungkin berasal dari pengertian : asrama-asrama para santri (pelajar) yang disebut Pondok, atau tempat tinggal yang dibuat daripada bambu (buluh). Dalam bahasa Arab perkataan "Pondok" juga bererti rumah tumpangan, atau "Hotel" dalam bahasa Inggeris.

#### 2.2.2 PENUBUHAN PONDOK.

Islam telahpun bertapak di Patani pada awal Abad ke-13, seperti mana yang telah diterangkan sebelum ini. Pada permulaannya ia disebarluaskan secara tidak formal. Ajaran-ajaran Islam diajar dan diperkenalkan oleh segolongan kecil daripada Pendakwah yang bertanggungjawab dalam penyebaran Islam pada masa itu. Tempat-tempat yang memonopolikan proses penyebaran tersebut ialah di masjid-masjid, di surau-surau atau balaisah (di Pattani, ia disebut dengan "Balasah"). (Abdul Ghani Ya'qub, 1990:7-8). Hubungan keagamaan di antara pedagang-pedagang Arab yang setengah-setengahnya juga merupakan ulama Islam, dengan orang Melayu Patani semakin meningkat, hal ini menyebabkan sebahagian daripada orang Melayu Patani dapat melanjutkan pelajaran ke negara Arab terutamanya di ibu kota suci Makkah. Setelah menamatkan pelajaran, mereka pun pulang ke tanah air, dan di sinilah bermulanya kegiatan pengajaran agama secara intensif. Pengajaran yang dikendalikan oleh "Tok Guru", selain

A504991120

daripada memberi manfaat kepada penduduk-penduduk yang setempat atau disekitarnya. Ia juga melibatkan penduduk-penduduk di merata-rata tempat yang lain. Oleh itu penduduk yang datang dari jauh terpaksa membina pondok-pondok di sekeliling kediaman Tok guru, dan di situ lahirlah pondok. (Lihat Hasan Madmarn, 1990:66-70). Ekoran daripada itu, pondok mula-mula diperkenalkan di Semenanjung Tanah Melayu pada awal abad ke-19 hasil difusi dari Patani. Pada abad ke-14, Patani adalah salah sebuah Wilayah Semenanjung Tanah Melayu yang terbesar dan penting; kepentingannya (sebagai pusat ekonomi, keagamaan dan kebudayaan) disebabkan perkembangannya sebagai pusat pengajian dan tradisi Islam. (Amran Kasimin, 1993:183). Oleh itu penulis berpendapat bahawa kemasyhuran Patani sehingga ia dinamakan sebagai Pusat Pengajian Islam pada waktu itu adalah kerana kemajuan dan kepesatan sistem pendidikan Islam menerusi institusi tradisional pondok yang dimonopoli oleh ulama-ulama atau tok guru itu sendiri. Wan Muhammad Shaghir Abdullah, seorang ulama dari Kalimantan Barat juga pernah menyatakan bahawa sistem pendidikan tradisi pondok sudah lahir di Patani sebelum wujudnya di Kelantan dan Kedah, malah pondok-pondok di Patani lebih awal wujudnya daripada negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu, iaitu pada pertengahan abad ke-13, sementara di Aceh, pondok mula diperkenalkan pada abad ke-14, dan di Jawa pada abad ke-15. (Majalah al-Jihad, Jil.133, Jun 1980:16-17).

Kehebatan sistem pendidikan tradisional pondok serta peranan ulama-ulama Patani pada masa itu menarik minat ramai penuntut ilmu keagamaan dari setiap pelosok di rantau ini; mereka datang ke Patani untuk berguru kepada ulama-ulama atau tok guru-tok guru pondok yang berada di Patani. Di antara pondok-pondok yang termasyhur di Patani pada abad ke-19 dan awal abad ke-20 ialah:

( 1 ) Pondok Semla, tok gurunya, Al-Marhum Tuan Guru Haji Ismail bin Haji Wan Ahmad, yang lebih terkenal dengan "Pak Do'ae". Dipercayai bahawa pondok Semla adalah salah sebuah pondok yang tertua di Patani.

( 2 ) Pondok Bendang Daya, tok gurunya, Al-Marhum Tuan Guru Haji Abdul Kadir bin Mustafa al-Fatani, dan Al-Marhum Syeikh Daud bin Mustafa al-Fatani. Pondok ini mempunyai jumlah penuntut yang terbesar; selain daripada penuntut tempatan didapati juga ramai penuntut dari negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu, terutamanya Kelantan, Kedah dan Terangganu.

( 3 ) Pondok Teluk Manok.

( 4 ) Pondok bendang Ghucil.

( 5 ) Pondok Berming, tok gurunya, Al-Marhum Haji Ahmad bin Idris.

Pondok-pondok yang tersebut adalah sebahagian daripada pondok-pondok yang terdapat pada waktu itu, dan

kebanyakannya tidak wujud lagi pada masa sekarang. Tidak dapat dinafikan bahawa pondok-pondok ini, banyak menabur jasa kepada masyarakat melayu di Patani, khasnya dan di Semenanjung Tanah Melayu amnya. (Hasan Madmarn, 1990:16-17).

### 2.2.3 SISTEM PENGAJARAN DI PONDOK.

Pondok mempunyai sistem pengajarannya yang tersendiri. Di antaranya ialah: Pengajaran berbentuk halqah (Circle), di mana penuntut-penuntut duduk bersila mengililing tok guru yang berada di tengah. Dalam bentuk yang lain pula, tok guru akan duduk di hadapan penuntut, sambil membuka kitabnya. Beliau akan membacakannya dan diperhatikan oleh penuntut yang masing-masing mempunyai kitab. Kitab-kitab tersebut tertulis di dalam bahasa Melayu atau Arab. Jika di dalam bahasa Arab, tok guru akan menterjemahkannya, kemudian dihuraikan. (Badriyah Haji Salleh, 1984:24). Sistem pondok tidak berbeza-beza penuntutnya mengikut latar belakang dan keadaan yang juga berbeza-beza di antara satu sama lain seperti umur, latar belakang pengajian dan sebagainya. Oleh itu pondok tidak mempunyai kelas-kelas pengajian dan tidak memerlukan alat bantu pengajaran. Segala apa yang dikatakan dan dihuraikan oleh tok guru adalah "Mutlak". Memandangkan keadaan tersebut, pondok tidak memerlukan ramai guru, memadai dengan seorang atau paling ramai dua atau tiga orang. (Sabri Haji Said, 1983:40). Pondok-pondok yang

dan terjemahan ulama-ulama Patani. Semua kitab itu ditulis dalam bahasa Melayu bertulisan Jawi, dan masih digunakan lagi secara meluas di Patani. Ilmu-ilmu yang lain seperti Tafsir, Hadith, bahasa Arab dan sebagainya menggunakan kitab-kitab dalam teks Arab yang ditulis oleh ulama-ulama Arab, seperti Tafsir al-Jalalāyn, karya Jalal al-Din Muhammad Ibn Ahmad al-maḥalli. Ilmu Hadith seperti; Al-Muwatta', karya Imam Malek Ibn Anas al-Asbahi, dan Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, karya Abu Abdullah Ibn Ismail Ibn Ibrahim Ibn Bardizbah al-Ju'fi al-Bukhari.

### 2.3 BAHASA ARAB DAN MATLAMAT PENGAJARANNYA DI PONDOK.

Bahasa Arab telahpun wujud di Patani bersama dengan kewujudan agama, kerana bahasa Arab adalah bahasa al-Quran dan al-Hadith, yang mana kedua-duanya merupakan sumber asas ilmu-ilmu keagamaan. Firman Allah (S.W.T.) di dalam al-Quran,

وإِنَّهُ لَنَزِيلُ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، نَزَلَ بِهِ الرُّوحُ الْأَمِينُ ،  
عَلَّمَ قُلُوبَهُ لَتُكُونُوا مِنَ الْمُنذِرِينَ ، بِلِسَانٍ عَرَبِيٍّ بَيِّنٍ ،

(Surah al-Syu'ara' : 193-194).

Maksudnya: Dan sesungguhnya (al-Quran) itu diturunkan daripada Tuhan sekalian alam. Diturunkan oleh Mala'ikat al-Ruh al-Amin (Jibril) ke hatimu (Muhammad) supaya kamu menjadi salah seorang pemberi amaran, dengan lidah (bahasa) Arab yang jelas.

Dengan lain perkataan, bahasa Arab merupakan bahasa pengantar atau "Medium of instruction" seperti mana yang percontoh oleh Muhammad Abdul jabbar Beg, (1983:6). Sebagaimana yang telah diterangkan sebelum ini, bahawa pondok pada satu masa dahulu berperanan sebagai Pusat Penyebaran Islam, di samping itu, ia juga berfungsi sebagai Pusat Perkembangan Bahasa Arab. Namun begitu, bahasa yang digunakan dalam pengajaran di pondok ialah bahasa Melayu yang banyak dipengaruhi bahasa Arab dalam aspek Nahu, perbendaharaan kata dan cara pengucapannya. Hal ini tidak menghairankan kerana kitab-kitab yang diajar atau dibaca adalah kitab-kitab dalam teks berbahasa Melayu yang diterjemahkan daripada bahasa Arab secara literal, iaitu perkataan demi perkataan. Justeru itulah dalam kitab-kitab tersebut terdapat kata-kata seperti "Ketahui olehmu", "Barang siapa'" dan seumpamanya. (Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh, 1985:101).

Terbukti bahawa ulama-ulamalah yang sangat berjasa menyebarkan pengaruh bahasa Arab ke daerah ini menerusi bahasa Melayu. Kitab-kitab agama, sama ada hasil ciptaan mereka, mahupun terjemahan dari bahasa Arab menjadi alat yang penting dalam menghubungkan-kait bahasa Melayu dengan kata-kata Arab, tetapi di samping itu harus diingatkan bahawa hasil kesusasteraan Arab yang disadurkan atau yang

diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu merupakan salah satu perantaraan yang penting juga dalam menyebarkan bahasa Arab menerusi bahasa Melayu. Di sini jelas menunjukkan bahawa pengaruh bahasa Arab terhadap bahasa Melayu melalui tulisan dan bukan lisan, pada umumnya. Tatkala masuknya pengaruh bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu, orang Melayu pula meminjam huruf-huruf Arab untuk mencatat hasil karya kesusasteraan mereka. Huruf-huruf pinjaman itu disebut dengan huruf "Jawi" atau ejaan Jawi. (Hamdan Hasan, Jurnal Dewan Bahasa, Julai 1972:298-299).

Pengajaran bahasa Arab di pondok adalah terhad kepada pengajaran Nahu, Soraf dan Balaghat. Ia tidak melibatkan aspek-aspek lain seperti penulisan dan pertuturan. Oleh itu, boleh difahamkan bahawa matlamat pengajaran bahasa Arab di pondok pada masa itu hanya untuk membolehkan pelajar-pelajar membaca serta memahami kitab-kitab berbahasa Arab yang tidak diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Jadi seseorang pelajar yang dapat menguasai nahu dan soraf dengan baik, pencapaiannya terhadap mata pelajaran lain juga akan turut meningkat, oleh kerana kedua-duanya diibaratkan sebagai anak kunci kepada bahan-bahan bacaan di dalam bahasa tersebut. Jika diteliti buku-buku teks nahu yang diajarkan di pondok, maka didapati nilainya amat tinggi, dan dikarang oleh tokoh-tokoh bahasa Arab yang terkenal, di antaranya :

- ( 1 ) MATN AL-'AJURRMĪYYAT (Nahu), karya Abu Abdullah Muhammad Ibn Dawud al-Sinhāji.
- ( 2 ) TASYWĪQ AL-KHULLĀN `ALA SYARḤ AL-'AJURRMĪYYAT (Nahu), karya sayyid Ahmad Zayni Dahlan. Kitab ini merupakan penghuraian kepada yang pertama.
- ( 3 ) SYARḤ IBN `AQUIL `ALA AL-'ALFĪYYAT (Nahu), karya Jamal al-Din Muhammad Ibn Abdullah Ibn Malik.
- ( 4 ) SYADHA AL-`UZAF FI FANN AL-ṢORF (Soraf), karya Syeikh Ahmad al-Hamlāwi.
- ( 5 ) MATN AL-BINĀ' WA AL-'ASĀS (Soraf), karya Maulana Abdullah al-Danagzi.
- ( 6 ) JAWAHĪR AL-MAKNŪN (Balāghat), karya Jamaluddin Muhammad Ibn Abdullah Ibn Malik.

#### 2.3.1 KAEDAH PENGAJARAN BAHASA ARAB DI PONDOK.

Boleh dikatakan bahawa pengajaran bahasa Arab di pondok adalah ditumpukan kepada aspek pemahaman dan bacaan untuk keperluan yang telah dihuraikan. Manakala dari segi kaedah pengajarannya pula, kebanyakan guru mengamalkan kaedah tradisi pondok, atau dengan lebih tepat kaedah Nahu Terjemahan, di mana guru-guru akan membaca teks-teks yang tertulis dalam bahasa Arab, kemudian menterjemahkannya satu persatu. Rumusan nahu dijelaskan dengan panjang lebar, perkara yang diutamakan ialah definisi-definisi bagi istilah tertentu seperti ; Ism (kata nama), Fi'l (kata kerja),

Muḥtada' (Subjek), Khabar (Prediket), dan sebagainya. Sebagai lanjutan diajar hukum-hukum nahu yang harus dihafal sebagai cara untuk menguasainya. Oleh itu, pengajaran bahasa Arab di pondok pada masa itu tidak menggalakkan pelajar menggunakannya secara aktif justeru tidak ada latihan-latihan lisan atau pengajaran sebutan (fonetik). Apa yang dianggap penting ialah agar pelajar dapat membaca dan memahami kitab-kitab yang tertulis dalam bahasa Arab. (Lihat Raja Mukhtaruddin bin Raja Mohd. Dain, 1980:33).

Pelajar-pelajar baru yang tidak mempunyai asas nahu diwajibkan mempelajari nahu di bawah Ketua Mutala'at, yang mana pengajian ini dikehendakki menghafal kitab-kitab asas nahu dan soraf, seperti Matn al-'Ajurrumīyyat, dan Matn al-Binā' wa al-'Asās. Kedua-duanya mengandungi beberapa halaman sahaja. Selain daripada itu, mereka mesti mengetahui peringkat permulaannya tentang konsep baris atau kasus, vokal dan sebagainya. Apabila sudah menguasai pengetahuan asas, barulah mereka mempelajari kitab-kitab nahu yang lebih sukar dan mendalam, seperti "Syarḥ Ibn 'Aqīl 'Ala al-'Alfīyyat, Muḥni al-Labīb, 'Asymūni" dan sebagainya.

(Hal mengenai kitab-kitab nahu dan sistem pembelajaran dan pengajarannya dialami oleh penulis sendiri yang pernah bersekolah pondok, semasa umur 12-17 tahun di Wilayah Pattani).

Satu perkara yang manarik di dalam sistem pengajian yang berbentuk "Informal" ini ialah kebanyakan pelajar bukan menadah dan mendengar daripada seseorang guru sahaja, malah mereka berpinda-pindah belajar daripada seorang guru kepada yang lain dalam satu hari. Perpindahan ini berlaku kerana kemahiran guru-guru atau ketua-ketua mutala'at tertentu di dalam ilmu-ilmu berkenaan, dan ditambah lagi masa mengajar untuk membolehkan mereka menambah "Pengetahuan". (Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hasan, 1977:106).

#### 2.4 TRANSFORMASI PONDOK KEPADA SEKOLAH AGAMA (RAKYAT)

Sebelum tahun 50-an, Kerajaan Thai tidak pernah campur tangan dan mengawasi hal pentadbiran dan pengajaran agama yang dimonopoli oleh pondok-pondok yang berada di bahagian Selatan, khasnya di Wilayah Pattani. Oleh itu, pondok hanya ditadbirkan oleh pihak tok guru atau masyarakat orang Islam (Melayu) yang mendirikan pondok demi untuk kepentingan agama, di samping itu untuk mengekalkan identiti keMelayuan mereka. Kerajaan Thai beranggapan bahawa pondok adalah sejenis institusi yang bercorak agama bagi golongan orang Melayu. Yang kedua, sistem pendidikan dan ilmu yang diajarkan di pondok tidak selaras dengan dasar pendidikan negara, yang bermatlamat untuk memajukan rakyat dan negara dalam masa yang sama. (Chidchanok Cherngchau, 1988:3). Kerajaan Thai pernah mengkritik sistem pendidikan di pondok

yang bersifat pelbagai bentuk dan corak, di antaranya:  
Sistem pendidikan pondok merupakan sistem yang sudah lama, yang tidak sesuai untuk dilaksanakan lagi memandangkan perubahan dan perkembangan dunia yang sedang maju dengan pesatnya. Oleh itu ia sangat berbahaya kepada keamanan negara dan seterusnya ia juga boleh menjadi punca yang akan menghalang pembangunan ekonomi dan sosial negara secara keseluruhannya. Andaian atau ramalan tersebut boleh berlaku oleh kerana sistem pengajaran tok-tok guru di pondok tidak mempunyai batasan dan garisan yang tertentu, sukatan pelajaran atau kurikulum bagi mata pelajaran tidak dirancang, malahan mata pelajaran dan masa pengajiannya tidak ditentukan. Oleh yang demikian, sistem pendidikan pondok perlu diubah dan dirancang semula. (Kementerian Pendidikan, 1970:1).

Kritikan dan pandangan negatif dari pihak Kerajaan terhadap pondok kian bertambah buruk, apabila mereka beranggapan bahawa pondok, selain daripada berperanan sebagai institusi pendidikan agama, ia juga merupakan sebuah organisasi yang bercorak politik, yang berusaha untuk membangkitkan semangat "Nationalisme Melayu" di kalangan rakyat. Satu bukti yang menunjukkan perkara tersebut ialah apabila beberapa orang pemimpin di kalangan masyarakat Islam Melayu yang terdiri daripada golongan tok guru, dan sesetengah mereka adalah pemimpin atau penasihat bagi parti-

parti politik, yang bertujuan untuk memisahkan Wilayah-Wilayah Sempadan Selatan Thai daripada pentadbiran kerajaan. (Pitsuwan, 1982:80-81). Walau bagaimanapun, penulis berpendapat anggapan dan tinjauan dari pihak kerajaan terhadap perjuangan para ulama sangat keterlaluan. Sebenarnya perjuangan ulama-ulama dan parti-parti politik yang ditubuhkan adalah untuk memperjuangkan hak kebebasan mengamalkan agama, keadilan dalam masyarakat dan hak asasi sebagai rakyat Islam Melayu yang hidup di bawah naungan kerajaan Thai. Selain itu, perjuangan mereka juga bertujuan untuk memerdekakan diri daripada ancaman dan kezaliman mengenai pihak kerajaan pada masa itu. Contoh yang terbaik ialah mengenai perjuangan Tuan Guru Haji Sulong Tok Mina, yang akhirnya ditangkap oleh kerajaan serta seorang anak lelakinya Ahmad bin Haji Sulong, di mana kedua-duanya dibunuh. Peristiwa kejam tersebut (berlaku pada tahun 1954) telahpun meninggalkan kesan yang amat buruk oleh kerajaan Thai pada masa itu. (Ibid, 164-165).

Namun begitu, punca berlakunya kesengsaraan dan ketidakstabilan dalam masyarakat Islam di sekitar Empat Wilayah Sempadan Selatan Thai, ialah : Usaha dari pihak kerajaan untuk menghapuskan identiti keislaman dan keMelayuan rakyatnya di bahagian Selatan, dan mengubah sikap dan perspektif mereka sehingga diiktiraf sebagai "Orang Thai" dengan sepenuhnya. Hal tersebut diakui oleh Penglima

Tentera Bahagian Empat (Selatan), Left.Gen. Khitti Rattana Chaya, dalam bukunya "Dab fai tai" atau "Padamkan api Selatan", yang menyatakan : Kerajaan sebelum ini tidak mengiktiraf bahawa orang Islam Melayu di bahagian Selatan mereka adalah setaraf dengan rakyatnya seperti di bahagian-bahagian yang lain, sehingga ke zaman Perdana Menteri P. Phibul Songkram, kerajaan mula melancarkan satu program yang dinamakan "Program Assimilasi Kebudayaan". Program ini dilaksanakan hanya di kalangan orang Islam Melayu di Selatan, untuk tujuan di atas. Di antara pelaksanaan yang mengikut dasar program tersebut ialah :

- ( 1 ) Memindahkan rakyatnya daripada bahagian-bahagian lain, yang beragama Budha dan beridentiti bangsa Thai dengan sepenuhnya untuk bermastautin dengan rakyat Islam Melayu di sekitar Wilayah-Wilayah Sempadan Selatan Thai.
- ( 2 ) Mengubah sebarang ideologi anak-anak orang Islam Melayu yang bersekolah asas kerajaan agar mereka menyedari bahawa mereka adalah seorang daripada "Orang Thai tetapi beragama Islam, bukan orang Melayu beragama Islam".
- ( 3 ) Mengubah sistem pengajaran secara pondok yang mengajar hanya mata pelajaran agama dan bahasa Arab, kepada sekolah agama mengikut sistem moden, di samping mengajar beberapa mata pelajaran bahasa Thai dan memasukkan pengajian aliran "Sekular" ke dalamnya. (Khitti Rattana Chaya, 1992:34).

Jika ditinjau dari segi ekonomi pula, didapati bahawa 9.98% daripada pelajar-pelajar pondok berumur lebih dari 20 tahun sedangkan pada umur tersebut sepatutnya mereka sudah bekerja atau menjadi tenaga pekerja yang berwibawa, yang boleh memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi negara. (Chamlong Sawanakunanon, 1975:17). Berdasarkan perkara di atas, pada tahun 1961, Kerajaan telah mengeluarkan satu perisytiharan bahawa setiap pondok mesti berdaftar dengan pihak Kementerian Pendidikan. Dengan berbuat demikian, Kerajaan akan memberi pelbagai sumbangan, seperti subsidi, perancangan kurikulum mata pelajaran Agama, Sekular dan Vokasional, dengan alasan untuk menyelaraskan pendidikan di pondok dengan dasar pendidikan negara. (Jabatan Pendidikan Kawasan Dua, 1990:10).

Hal mengenai perubahan pondok kepada sekolah agama (rakyat) boleh dibahagikan kepada tiga tahap, seperti berikut :

#### 2.4.1 TAHAP PERTAMA.

##### PEMBANGUNAN PONDOK 2504-2508 B.E./1961-1965 M.

Pada tahap permulaan ini, Kementerian Pendidikan, dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Kawasa Dua, merancangkan satu program yang dinamakan "Peraturan Kementerian Pendidikan Mengenai Proses Pembangunan Pondok Tahun 2504 B." Di antara intisari-intisari pentingnya adalah seperti

berikut :

( 1 ) Pondok-pondok yang berhasrat untuk membangun mengikut batasan yang telah ditentukan oleh pihak Kementerian, boleh berdaftar dengan Kementerian.

( 2 ) Pondok-pondok yang telah berdaftar, dan dapat melaksanakan programnya dengan baik, terutama dari segi pentadbiran, akan dapat peruntukan subsidi dari pihak Kementerian.

Sumbangan subsidi tersebut, akan dihadiahkan kepada tok guru oleh yang di Pertuan Agung Raja Phumiphol sendiri. Sumbangan itu dibahagikan pula kepada empat peringkat :

- |       |                    |          |                     |
|-------|--------------------|----------|---------------------|
| ( A ) | Peringkat Istimewa | sebanyak | 10,000 B./1,052 RM. |
| ( B ) | Peringkat Pertama  | =        | 5,000 B./526 RM.    |
| ( C ) | Peringkat Kedua    | =        | 3,000 B./315 RM.    |
| ( D ) | Peringkat Ketiga   | =        | 1,000 B./105 RM.    |

(Jabatan Pendidikan Kawasan Dua 1990:5).

#### 2.4.2 TAHAP KEDUA.

##### PERALIHAN PONDOK KEPADA SEKOLAH AGAMA 2509-2519 B.E./ 1966-1975 M.

Pada 14 Jun 1966, Kabinet Thailand telah mengambil satu keputusan baru mengenai pondok, iaitu : Pondok tidak boleh ditubuhkan lagi berkuatkuasa mulai tahun tersebut. Yang engkar akan dikenakan tindakan undang-undang. bagi pondok-pondok yang patuh, pentadbirnya mesti berdaftar

kepada pihak Kementerian Pendidikan untuk disahkan tidak lewat daripada 31 Disember 1966. Setelah didaftar sistem pondok mesti diubah kepada sistem persekolahan moden seperti yang dikehendaki oleh Kementerian, selewat-lewatnya hingga 15 Jun 1970. Keputusan yang diambil, berdasarkan kepada laporan yang dibentangkan oleh Lembaga Keamanan Kebangsaan pada tahun itu. (Jabatan Pendidikan Swasta, 1984:6).

#### 2.4.3 TAHAP KETIGA.

##### PEMBANGUNAN SEKOLAH AGAMA (RAKYAT) DARI 2520 B.E./ 1976 M. HINGGA SEKARANG.

Setelah sistem pengajaran pondok diubah mengikut sistem persekolahan moden, sekolah-sekolah agama bukan sahaja mengandalkan pengajaran yang beraliran agama, tetapi ditambah pula dengan aliran Saman atau Sekular mengikut tersebut, Kementerian mencadangkan satu program yang dinamakan "Program Sumbangan Sekolah-sekolah Agama tahun 2520-2524 B.E./1976-1980 M.". Program tersebut memperuntukkan beberapa sumbangan seperti berikut :

#### ( 1 ) SUMBANGAN KEWANGAN.

- 1.1 Untuk Pentadbir sekolah sebanyak 5,000 B./526 RM.
- 1.2 Untuk pelaksanaan kegiatan-kegiatan sekolah 70%, dan 30% untuk guru agama.

#### ( 2 ) Menentukan guru-guru bagi Aliran Saman dan Kursus Vokasional.

- ( 3 ) Mencadangkan penggunaan alat-alat bantu mengajar.
- ( 4 ) Mencadangkan pelbagai kemudahan, seperti menjalankan Kursus Latihan untuk Guru-guru Agama, membuka peluang bagi pelajar yang berkelulusan dalam Aliran Saman untuk melanjutkan pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi di beberapa institusi Kerajaan tanpa peperiksaan pemilihan (Entrance Examination). (Jabatan Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan, 1984:9).

Penerangan daripada transformasi Pondok kepada Sekolah Agama didapati bahawa faktor penting yang mengubah sistem pengajaran Agama/Arab di pondok adalah dorongan daripada pihak Kerajaan. Justeru itu, ia akan membawa pula kepada perubahan pengajaran bahasa Arab, dari segi matlamat, cara mengajar serta buku-buku teks yang digunakan.

## 2.5 HUBUNGAN KAJIAN AWAL (TERDAHULU)

Sebenarnya, hanya sedikit kajian mengenai Pengajaran Bahasa Arab di sekolah-sekolah Agama di Empat Wilayah Sempadan Selatan Thai, khususnya, di Wilayah Pattani, bidang-bidang lain yang telah dilakukan di Wilayah berkenaan, seperti mana yang telah dijelaskan dalam Bab Pertama. Walau bagaimanapun, penulis cuba membentangkan beberapa hasil kajian yang berkaitan seperti berikut :

PERTAMA. Kajian awal yang dilakukan pada 2512 B.E./1967 M. Oleh Pusat Perkembangan Pendidikan, Jabatan Pendidikan Kawasan Dua, yang bertajuk "Cara Membentuk Sistem Pendidikan Sekolah Agama di Wilayah Pattani". Kajian yang dijalankan ini bertujuan mendapatkan data-data mengenai proses pengajaran bahasa Melayu dan bahasa Arab serta pencapaian pelajar terhadapnya. Selain mengetahui sejauh manakah kejayaan sekolah agama setelah sistem pengajaran pondok diubah. Data-data yang diperolehi diharapkan dapat membantu pentadbir sekolah dan perancang kurikulum bagi mata pelajaran berkenaan, mengikut kepentingan, matlamat, kesesuaian dan permasalahan yang dihadapi pada masa itu.

Kajian ini dijalankan terhadap 64 buah sekolah agama, yang dipilih daripada empat Wilayah Sempadan, iaitu : Pattani, Yala, Narathiwat dan Satun, manakala jumlah sampel (Pelajar) ialah 1016 orang. Dalam kajian ini, penulis akan hanya membentangkan laporan tentang penguasaan pelajar terhadap bahasa Arab. Sedikit sebanyak dapat memperlihatkan tahap penguasaan mereka pada satu masa dahulu berbanding dengan masa sekarang. (Lihat Jadual No. 2)

JADUAL NO. 2

PENGUASAAN RESPONDEN (PELAJAR SEKOLAH AGAMA) TERHADAP BAHASA  
ARAB

| Tahap Penguasaan<br>Aspek Penguasaan | Baik           | Sederhana      | Kurang         | Tidak Menjawab |
|--------------------------------------|----------------|----------------|----------------|----------------|
| Pertuturan                           | 108<br>(10.6%) | 642<br>(63.2%) | 245<br>(24.1%) | 21<br>(2.1%)   |
| Pendengaran                          | 144<br>(14.1%) | 645<br>(63.5%) | 179<br>(17.6%) | 48<br>(4.8%)   |
| Bacaan                               | 362<br>(35.7%) | 568<br>(55.9%) | 50<br>(4.9%)   | 36<br>(3.5%)   |
| Tulisan                              | 343<br>(33.6%) | 569<br>(56.0%) | 64<br>(6.3%)   | 40<br>(4.1%)   |

Sumber: Pusat Perkembangan Pendidikan, 1967:63.

Daripada Jadual tersebut, didapati bahawa pencapaian pelajar terhadap bahasa Arab dalam beberapa aspek adalah sederhana. Ini dilihat secara keseluruhan, oleh kerana kajian ini tidak dihadkan kepada mana-mana peringkat yang khusus.

KEDUA. Hasan Madmarn, seorang sarjana tempatan, telahpun mengkaji tentang Pengajian Islam dan Pengaruh bahasa Arab di Pondok dan Sekolah Agama di Wilayah-Wilayah Sempadan Selatan Thai, dengan rujukan khas kepada Wilayah Pattani. Dalam Desertasinya yang bertajuk "Traditional Muslim Institutions in Southern Thailand : A Critical Study of Islamic and Arabic Influence in The Pondok and Madrasah School system of Pattani", membincangkan beberapa aspek berkaitan dengan sistem pengajian Islam dan pengaruh bahasa Arab di Pondok dan Sekolah Agama yang bermula semenjak sistem pondok diwujudkan di Wilayah Pattani sehingga pada hari ini. Pada awal perbincangannya beliau menarik perhatian terhadap kitab-kitab Jawi, sama ada hasil terjemahan daripada kitab-kitab bahasa Arab, ataupun karya yang dihasilkan oleh beberapa orang tokoh ulama Pattani pada permulaan abad ke-19 dan awal abad ke-20. Melalui kitab-kitab yang diterjemahkan dari bahasa Arab ke bahasa Melayu, maka di situlah bermulanya fenomena mengenai pengaruh bahasa Arab dalam masyarakat Melayu di Wilayah Pattani dan Wilayah-Wilayah yang berhampiran. Beliau juga membincangkan dengan lebih terperinci mengenai peranan yang dimainkan oleh pondok dan tok-tok guru dalam penyebaran agama Islam di rantau ini. Ini bermakna Pattani pernah disifatkan sebagai Pusat Ilmu di Asia Tenggara.

Mengenai pengajian bahasa Arab, beliau memperlihatkan tentang kaedah pengajarannya yang diamalkan di pondok dan di sekolah-sekolah agama, setelah pondok diubahsuai. Walau bagaimanapun, perbincangan beliau, lebih menumpukan kepada pengajaran bahasa Arab di Institusi Pengajian Tinggi, terutamanya pengajaran bahasa Arab di Fakulti Kemanusiaan dan Sains Sosial, Universiti Prince of Songkla, Pattani.

## 2.6 KEDUDUKAN BAHASA ARAB DI NEGARA THAI.

Pada mulanya, bahasa Arab diperkenalkan dan disebarluas hanya di kalangan masyarakat Melayu yang berada di bahagian Selatan sahaja, berdasarkan keperluan dan kepentingan agama. Oleh itu, ia mempunyai taraf dan kedudukan khusus dalam kehidupan orang Melayu yang dianggap minoriti di negara tersebut. Dalam pada itu, bahasa Arab disanjung tinggi oleh mereka berbanding dengan bahasa lain, seperti bahasa Inggeris, Perancis, Cina atau bahasa Thai sendiri. Bahasa Thai merupakan bahasa Kebangsaan dan bahasa Rasmi: Akan tetapi masyarakat Melayu masih kurang mengambil berat dan pendedahan mereka terhadap bahasa tersebut masih lagi kurang. Sehingga, pada satu masa dahulu, sesetengah mereka beranggapan bahawa bahasa Thai adalah bahasa bagi orang Siam-Budha, manakala bahasa Penjajah tidak layak bagi orang Melayu mempelajarinya dan menuturkannya. (Chamlong Sawanakunanon, 1975:16). Walau bagaimanapun, pendirian

sedemikian sudahpun berubah disebabkan : Faktor Pendidikan dan Ekonomi yang mendedahkan mereka untuk mempelajarinya dan berkomunikasi melaluinya, terutama di kalangan remaja di sekolah Kerajaan. Sekarang, kebanyakan daripada mereka boleh berbahasa Thai dengan baik.

Bahasa Arab di negara Thai dianggap sebagai bahasa asing; tetapi ia tidak setaraf dengan bahasa-bahasa utama asing yang lain, seperti bahasa Inggeris dan Perancis, yang pengajarannya dilakukan secara meluas di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan semenjak beberapa dekad yang lalu. Pada tahun 1980, Kerajaan mengambil keputusan dan mula memasukkan mata pelajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah menengah seperti kedua-dua bahasa asing tersebut. Namun begitu, bukan semua sekolah Menengah Kebangsaan seluruh negara diajarkan mata pelajaran bahasa Arab, tetapi di Empat Wilayah Sempadan Selatan Thai sahaja, yang mana majoriti penduduknya beragama Islam. Walau bagaimanapun, bahasa Arab yang diajarkan itu hanya berbentuk asas-asas nahu Arab. Tujuannya ialah untuk membuka peluang bagi anak-anak orang Islam di Selatan supaya dapat memilih bahasa Arab (sebagai bahasa asing) di dalam peperiksaan kemasukan atau pemilihan (Entrance Examination) ke peringkat Universiti nanti. (Jabatan Pendidikan Kawasan Dua, 1990:26).

Apabila bahasa Arab bertaraf penting dan tinggi di

peringkat antarabangsa, iaitu diakui oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebagai satu bahasa Rasmi yang ke-6 (Neneth Katzner, 1992:159), pembangunan ekonomi yang pesat di beberapa negara Arab serta kegiatan dalam sektor perdagangannya, sering mendesak dan merangsang masyarakat antarabangsa untuk mempelajari bahasa Arab. (M.A.J. Beg, 1977:4). Inilah yang menyebabkan peningkatan statusnya di beberapa buah negara, termasuk negara Thai. Kerajaan Thai telah mengambil langkah positif terhadapnya, iaitu dengan memperluas pengajaran bahasa Arab ke peringkat Universiti. Program tersebut dilaksanakan buat kali pertama pada tahun 1986, di mana Universiti Prince of Songkla, Pattani, bertanggungjawab mengandalikannya. Akhirnya Bahagian Bahasa Arab ditubuhkan pada tahun yang sama, di bawah Jabatan Pengajian Timur, Fakulti Kemanusiaan dan Sains Sosial di Universiti tersebut. (Hasan Madmarn, 1990:228). Satu langkah lain yang dijalankan ialah : Pengambilan orang beragama Islam yang berkebolehan bahasa Arab untuk bertugas sebagai perwakilan di negara Arab. Hal yang berkaitan dengan hubungan luar, terutama dengan negara-negara Arab, merupakan perkara yang rumit, jika perwakilannya tidak boleh berkomunikasi atau berbincang melalui bahasa mereka, secara langsung. Walaupun bahasa Inggeris merupakan bahasa antarabangsa penting yang digunakan dalam pelbagai bidang, tetapi bagi masyarakat orang Arab yang bersikap "Bangga"

terhadap bahasa tersebut, mereka tidak akan melayani dan menghormati dengan sewajarnya, jika sesuatu perbincangan itu menggunakan bahasa asing. (Penulis sendiri mengalaminya semasa bertugas di Bahagian "Consular", Kedutaan di Raja Thai, Khahirah, tahun 1990-91).

Dengan huraian di atas, boleh dikatakan bahawa bahasa Arab di negara Thai akan menghadapi masa depannya yang cerah, di mana kedudukannya akan meningkat ke taraf yang lebih tinggi seperti bahasa-bahasa asing yang lain.